

Teori songsang jihad Daesh



MENAKU sebagai Parti Allah, hakikatnya Daesh adalah cabang daripada Parti Syaitan.



DAESH menganggap golongan yang menentang Allah adalah musuh mereka yang wajib diperangi tanpa budi bicara.

ibrah

Oleh DR. WAN FARIZA ALYATI WAN ZAKARIA
Pusat Akidah dan Keamanan Global, Universiti Kebangsaan Malaysia.



ANTARA PARTI ALLAH, PARTI SYAITAN

Daesh membawa mesej pembebasan Islam melalui akidah Salafi Jihadi yang menganggap jihad adalah jalan pembebasan iaitu membebaskan diri daripada taghut melalui doktrin *al-Wala' wa al-Barra'*.

Doktrin ini menyimpulkan bahawa kesetiaan (*al-wala'*) kepada Allah bermakna mencintai Allah dan berjuang untuk agama-Nya, juga mengasahi dan memberi bantuan kepada orang yang taat kepada-Nya. *Al-Barra'* pula bererti benci kerana Allah iaitu merasa marah pada musuh-musuh Allah dan berjuang menentang mereka.

Kerana itu Daesh menganggap bahawa kumpulan mereka sebagai 'parti Allah' dan pihak yang menentang mereka, termasuk musuh-musuh Islam serta umat Islam yang dianggap murtad kerana tunduk kepada taghut dianggap sebagai 'parti syaitan'.

Mereka menjustifikasikan pandangan ini berdasarkan ayat al-Quran dalam surah al-Baqarah 2:257 yang bermaksud: "*Allah Maha penjaga melindungi orang yang beriman. Dia membawa mereka keluar daripada kegelapan (kekafiran) kepada cahaya (iman). Dan orang yang kafir, pelindung-pelindung mereka ialah syaitan, yang mengeluarkan mereka daripada cahaya kepada*

kegelapan. Mereka itu adalah penghuni neraka; mereka kekal di dalamnya."

Mereka juga merujuk ayat yang lain (4:76): "*Orang yang beriman mereka itu berjuang pada jalan Allah; dan orang yang kafir berjuang di jalan taghut, sebab itu perangilah kawan syaitan itu, kerana sesungguhnya tipu daya syaitan itu adalah lemah.*"

Teologi pembebasan melalui jihad ini juga bertujuan membebaskan Negara Islam daripada pemimpin taghut dan zalim. Tindakan mengeluarkan umat Islam daripada sistem taghut iaitu demokrasi kepada sistem khilafah dianggap suci dan mulia.

BOLEH DERHAKA IBU BAPA

Selain itu, bagi golongan wanita Daesh, doktrin *al-Wala' wa al-Barra'* membebaskan mereka daripada ketaatan kepada ibu bapa dan keluarga yang dianggap tidak mengamalkan Islam dan murtad, selain membebaskan mereka daripada kejahatan jahiliah moden Barat yang mencabuli kehormatan wanita.

berkembang. Aku boleh memanjat gunung atau menyeberangi lautan, mengembangkan fikiranku dalam semua arah. Kerana Tuhan sendiri memberikan kita kebebasan, apabila Dia menghantar Islam untuk kau dan juga aku!"

Daesh memberi ilusi kekuasaan dan kebebasan yang didambakan oleh segelintir wanita yang merasakan diri menjadi mangsa penindasan dalam masyarakat, juga yang hidup dalam arus kebebasan Barat dan ingin kembali kepada Islam dengan melihat nilai kebebasan baharu dijanjikan Daesh.

Pemahaman kebebasan seumpama ini sebenarnya berdasarkan pandangan Muktazilah mengenai perbuatan ma'khuk. Pandangan ini juga dipegang oleh Zionis masa kini yang menganggap Kerajaan Tuhan (*Kingdom of God*) perlu diwujudkan dengan usaha tangan manusia dan bukannya kurniaan Tuhan atau *God Given* sebagaimana pandangan Yahudi Ortodoks.

Justeru itu, umat Islam perlu mengambil *ibrah* daripada ideologi Daesh yang mendakwa membawa kebebasan Islam sejati namun hakikatnya memandang saudara seislam lain sebagai kafir atau murtad jika tidak bersetuju dengan mereka. Sikap keras terhadap saudara seislam dan golongan bukan Islam membawa kepada perpecahan, kerosakan, kehancuran, dan peperangan.

Semua ini bukannya daripada ajaran Islam sebenar, bahkan Daesh sebenarnya adalah antagonis kepada Islam.

SALAFI JIHADI

- Menegakkan negara Islam menggunakan kaedah jihad *qital* (perang), tidak ragu-ragu mengkafirkan pemerintah Islam yang tidak menegakkan hukum syariah sepenuhnya atau tidak sependapat dengan mereka.

- Gagasan politik selain gagasan Islam tidak sah, *hukumiyah* (pemerintahan) adalah hak Allah maka pemerintah yang tidak melaksanakan hukum Islam wajib dibunuh.

- Doktrin *al-Wala' wa al-Barra'*

- *Al-Wala'* (kesetiaan) kepada Allah bermakna mencintai Allah dan berjuang untuk agama-Nya.

- *Al-Barra'* (benci) kerana Allah iaitu merasa marah pada musuh-musuh Allah dan berjuang menentang mereka.

- Wanita Daesh yang memahami doktrin ini menganggap mereka bebas daripada ketaatan kepada ibu bapa dan keluarga yang dianggap tidak mengamalkan Islam dan murtad.

- Daesh menganggap mereka sebagai 'parti Allah' dan pihak yang menentang mereka, termasuk musuh-musuh Islam serta umat Islam yang dianggap murtad sebagai 'parti syaitan'.

IDEOLOGI Daesh berkaitan dengan tauhid dan jihad datangnya daripada gerakan Salafi Jihadi. Secara umumnya, *salaf* atau *salafiyah* bermaksud generasi Islam lama.

Namun Salafi Jihadi bukan golongan *salaf* kerana di sebalik objektif mereka mahu umat Islam kembali kepada al-Quran dan sunah, memurnikan akidah serta menolak *bid'ah*, mereka mempunyai matlamat dakwah untuk menegakkan *daulah* Islam dengan menggunakan kaedah jihad *qital* (perang) serta tidak ragu-ragu mengkafirkan pemerintah Islam yang tidak menegakkan hukum syariah sepenuhnya.

Mereka mengambil makna secara literal dalam memahami ayat-ayat al-Quran dan sunah. Mereka juga mengamalkan doktrin takfiri terhadap golongan yang dianggap sebagai pengamal syirik, *bid'ah* dan sesat.

Mereka memusnahkan makam-makam nabi dan wali Allah untuk menghapuskan amalan bertawasul dan bertabarruk yang dianggap mencacatkan *Tauhid Uluhiyyah*.

Bagi mereka:

- Jihad *qital* atau jihad peperangan adalah satu-satunya jalan untuk menegakkan sebuah khilafah Islamiah.

- Jihad ini wajib memerangi dan membunuh kafir *harbi* dan umat Islam yang telah murtad iaitu mereka yang tidak menyertai gerakan mereka.

- Gagasan politik selain gagasan Islam adalah tidak sah, *hukumiyah* (pemerintahan) adalah hak Allah maka pemerintah yang tidak melaksanakan hukum Islam wajib dibunuh.